

RINGKASAN EKSEKUTIF

Laporan ini bertujuan menerangkan nilai-nilai yang baik yang boleh dicontohi serta perkara-perkara yang kurang baik yang boleh diambil iktibar seterusnya diperbaiki untuk projek-projek yang dilaksanakan oleh JKR melalui sesi bengkel yang telah dilaksanakan pada 12 hingga 13 Julai 2018 bagi projek Menaiktaraf Jalan Negeri (P10) Daripada Batu Maung Ke Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang yang telah dihadiri oleh wakil HOPT, HODT dan juga wakil SO. Selain itu juga, laporan ini juga mencadangkan beberapa penambahbaikan yang perlu diambil kira bagi projek-projek seumpamanya di masa hadapan.

1.0 PENGENALAN

Skop asal projek Menaiktaraf Jalan Negeri (P10) Daripada Batu Maung Ke Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang adalah melebarkan jalan dari 1 lorong 2 hala kepada 4 lorong 2 hala sepanjang 4.6km di mana pelaksanaan keseluruhan projek ini telah melibatkan pengambilbalikan tanah. Pembinaan projek ini sepatutnya dijangka disiapkan pada tahun 2015. Walaubagaimanapun, berikutan masalah yang melibatkan bantahan terhadap pengambilbalikan tanah menyebabkan projek ini berjaya disiapkan pada 26 April 2018 (EOT No.3). Piawaian rekabentuk pembinaan jalan ini adalah U5. Terdapat juga pembinaan 1 buah jambatan iaitu merentasi Sg. Tiram.

1.1 OBJEKTIF PROJEK

- a. Menguraikan kesesakan lalu lintas di kawasan Jalan Permatang Damar Laut.
- b. Menyediakan laluan yang lebih selesa bermula jambatan kedua Pulau Pinang menghala ke lapangan terbang

1.2 SKOP PROJEK

- *General item*
- *Site clearance dan demolition works*
- Kerja-kerja tanah
- Perparitan
- Jalan
- Perabot Jalan
- Kerja-kerja geoteknik
- Struktur
- Pelan Pengurusan Trafik
- *Environmental protection works*
- *Routine maintenance*
- *Prime cost dan provisional sums*

1.3 LAPORAN KEMAJUAN SEMASA


Item	Previous Cumulative progress Until 17 Januari 2018 (EOT 3)		Ahead (+) / Behind (-)	
	%			
	Schedule	Actual	(%)	(Days)
Physical	100%	100%*	0	0

* Achived on 26 April 2018

1.4 LOKASI PROJEK



1.5 PELAN LOKASI



1.6 GAMBAR KEMAJUAN



* CH1000- CH1300



* CH1300- CH1800



* CH1800- CH2600



* CH2600- CH3100



1.7 PASUKAN KERJA YANG TERLIBAT BAGI PROJEK INI ADALAH SEPERTI BERIKUT :-

- a. HOPT : Bahagian Pengurusan Projek Utara, Cawangan Jalan
- b. HODT : Bahagian Rekabentuk Jalan Zon Selatan, Cawangan Jalan
- c. S.O/ Wakil S.O : Pengarah, JKR Negeri Pulau Pinang
: Ketua Juruteraan Elektrik Negeri Pulau Pinang

1.8 CARTA ORGANISASI PASUKAN SELIA TAPAK

CARTA ORGANISASI PASUKAN JKR PULAU PINANG

PENGARAH JKR PULAU PINANG
IR. SHAHABUDDIN BIN MUHAYIDIN

JURUTERA AWAM PENGUASA (JALAN)
IR. MOHD FISAL BIN ISMAIL

PENGURUS BESAR PEMBINAAN (JALAN)
IR. SUHAIRA HANI BINTI MUHAMAD NAWATI

PENOLONG PENGURUS BESAR PEMBINAAN (JALAN)
IR. MOHD BASRI BIN CHE BAKAR

PENOLONG JURUTERA AWAM
MOHAMAD SOBRI BIN SHABUDIN

2.0 SESI PENGUMPULAN PEMBELAJARAN PROJEK Bengkel

a. Tajuk : Bengkel Project Lessons Learned bagi Projek

Menaiktaraf Jalan Negeri (P10) Daripada Batu Maung Ke Jalan Sultan Azlan Shah, Pulau Pinang

b. Tarikh : 12 –13 Julai 2018 (Khamis – Jumaat)

c. Tempat : Rumah Peranginan Persekutuan

d. Peserta Bengkel : Peserta Bengkel terdiri daripada wakil-wakil:

1. Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu, JKR Negeri Pulau Pinang
2. Bahagian Jalan, JKR Negeri Pulau Pinang
3. Pihak HODT, HOPT dan SO Project

e. Pemudahcara/Fasilitator : Pemudahcara/Fasilitator adalah wakil dari Enterprise Contact Management (ECEM), Cawangan Pengurusan Aset Bersepadu (CPAB).

1. Sr Roznita Othman
2. Sr. Dr. Khairil Hizar bin Md Khuzaimah
3. Ir Fithry Mohd Amir

2.1 GAMBAR SEMASA BENGKEL



3.0 METADOLOGI/KAEDAH

3.1 PEMBELAJARAN DARI ISU KRITIKAL

Perbincangan secara berkumpulan telah diadakan bagi mengenalpasti isu-isu dan permasalahan yang berlaku di sepanjang tempoh pelaksanaan projek, isu yang terlibat diambil kira merangkumi pelbagai peringkat iaitu :

- i. Peringkat Perancangan
- ii. Peringkat Pembinaan
- iii. Peringkat Penyerahan

Analisis punca dan akibat serta pembelajaran yang diperolehi merujuk kepada isu-isu yang berkaitan.

- (i) Isu pelaksanaan - What went well
- (ii) Isu pelaksanaan - What should have done better
- (iii) *Lesson learnt*

Output daripada perbincangan berkumpulan dinyatakan melalui lakaran peta minda dan seterusnya dibentang dan dibincangkan bersama keseluruhan ahli bengkel dengan lebih terperinci.

3.1.1 APA BERLAKU DENGAN LANCAR SEMASA PERINGKAT PERANCANGAN

WHAT WHEN WELL? (Apa berlaku dengan lancar?)
Objektif skop kerja jelas. Semua pihak SO, WPP, Perunding dan Kontraktor jelas terhadap pelaksanaan projek.
Ringkasan projek (Brief) adalah lengkap.
Semua dokumentasi yang melibatkan dokumen kontrak adalah lengkap.

3.1.2 APA BOLEH DILAKUKAN DENGAN LEBIH BAIK DAN PEMBELAJARAN SEMASA PERINGKAT PERANCANGAN

WHAT COULD HAVE BEEN DONE BETTER? (Apa boleh dilakukan dengan lebih baik?)	LESSON LEARNT (Pembelajaran)
Proses pengambilan balik tanah (PBT) perlulah diselesaikan terlebih dahulu supaya tidak mengganggu kemajuan kerja di tapak.	Proses pengambilan balik tanah sepatutnya diselesaikan terlebih dahulu sebelum Surat Setuju Terima (SST) di keluarkan.
Kuantiti dalam <i>Bill of Quantity</i> (BQ) sepatutnya selari dengan lukisan pembinaan.	Perlu semakan menyeluruh semasa peringkat rekabentuk dan penyediaan BQ
Terdapat beberapa perubahan skop, Contohnya, skop asal terdapat jambatan lama yang perlu diganti dengan jambatan baru. Walaubagaimanapun berdasarkan semakan semasa pembinaan, jambatan asal dikekalkan.	Semasa rekabentuk, penilaian atau <i>assessment</i> terhadap struktur jambatan sedia ada perlu dilakukan bagi menentukan sama ada ia boleh dikekalkan atau perlu diganti baru.

3.1.3 APA BERLAKU DENGAN LANCAR SEMASA PERINGKAT PEMBINAAN

WHAT WHEN WELL? (Apa berlaku dengan lancar?)
Wakil Pegawai Penguasa (WPP), Perunding, Kontraktor dan NSC memberikan kerjasama yang baik kepada Pegawai Penguasa (PP).
Projek berjaya diserahkan.
Aliran trafik lebih lancar dan sistem peparitan bertambah baik.
Keselamatan pejalan kaki dapat dipertingkatkan dengan adanya jejantas.

3.1.4 APA BOLEH DILAKUKAN DENGAN LEBIH BAIK DAN PEMBELAJARAN SEMASA PERINGKAT PEMBINAAN

WHAT COULD HAVE BEEN DONE BETTER? (Apa boleh dilakukan dengan lebih baik?)	LESSON LEARNT (Pembelajaran)
Pewartaan jalan negeri (P10) kepada jalan persekutuan perlu diselesaikan sebelum tamat DLP.	Pihak-pihak berkenaan (HOPT dan SO) perlu mengambil tindakan dalam menyegerakan pewartaan. Proses-proses pewartaan dan koordinasi dengan pihak CSFJ untuk penyerahan dan pewartaan sebelum DLP.
<i>Testing & Commissioning</i> tidak dapat dilakukan kerana kelewatan mendapat bekalan elektrik daripada pihak TNB.	1) Pihak kontraktor perlu membuat permohonan bekalan TNB sekurang-kurangnya 6 bulan sebelum penyerahan. Program kerja kontraktor perlu dimasukkan jadual permohonan. 2) Pihak kontraktor perlu menyiapkan dan menyerahkan As-Built Drawing (NSC) dan Manual Operation kepada SO sebelum CPC dikeluarkan. 3) Penyerahan As-Built Drawing (NSC) dan Manual Operation kepada SO sebelum CPC dikeluarkan dapat membantu proses bekalan elektrik dari TNB.

3.2 AFTER ACTION REVIEW (AAR)

1.	What was supposed to happen?	Kuantiti di dalam BQ sepatutnya mencukupi seperti kuantiti yang diperlukan dalam lukisan pembinaan.
2.	What actually happened?	Kuantiti yang dinyatakan dalam BQ terdapat pengurangan yang ketara berbanding kuantiti dalam lukisan pembinaan.
3.	Why did it happen?	Penyediaan dokumen semasa peringkat rekabentuk oleh pihak perunding tidak dilaksanakan dengan lebih tepat.
4.	What are the consequences	• Keperluan untuk beberapa item di tapak tidak mencukupi • Kerja-kerja di tapak terpaksa ditangguhkan sehingga kuantiti yang baru diluluskan • Kelewatan penyiapan projek • Kerja penyelenggaraan berkala dalam DLP tidak dapat dilakukan kerana tidak di masukkan di dalam BQ.
5.	What are the key lessons?	Penyediaan dokumen semasa rekabentuk terperinci perlu diselaraskan dengan baik dan sistematik
6.	Suggestions for action	Memerlukan semakan secara terperinci bagi beberapa item di dalam BQ apabila tidak selari dengan lukisan pembinaan.